

UMS, KAF jalin kerjasama lancar PETIK

UB 05.03.2024 P.06

KOTA KINABALU: Pusat Pengurusan EcoFarm (EcoFarm), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan majlis perasmian projek dan pelancaran hasil kerjasama UMS dan Kundasang Aquafarm (KAF) dalam penyelidikan dan pembelajaran pertanian tanah tinggi di Kampung Mesilau Kundasang Ranau baru-baru ini.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, Pusat Penyelidikan dan Pembelajaran Pertanian Tanah Tinggi UMS Kundasang atau singkatannya, PETIK akan menjadi hab kecemerlangan penyelidikan dan pembelajaran pertanian tanah tinggi termasuk bidang agripelancongan.

Katanya, PETIK adalah hasil usaha sama antara UMS dan KAF sejak 2021, seterusnya pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) pada 2022.

Menurutnya, pada 2023/2024, PETIK mula direalisasikan di lapangan dengan siapnya 10 rumah hijau yang lengkap dengan kemudahan hidroponik untuk penghasilan sayur daun dan buah.

"Kerja-kerja pembangunan PETIK bagi fasa pertama siap sepenuhnya dan aktiviti penanaman serta penjualan hasil pertama telah dilaksanakan.

"Melalui usahasama ini, PETIK akan menjadi landasan pendedahan kepada ilmu dan pengalaman pengurusan pertanian tanah tinggi yang lestari dalam kalangan pelajar serta masyarakat sesuai dengan MoA yang dipersetujui dengan pihak Kundasang Aquafarm," katanya.

Beliau juga menekankan slogan 'I want result' dalam mana-mana projek universiti sesuai dengan kejayaan PETIK direalisasikan di lapangan.

"PETIK turut menerima pelajar daripada pelbagai universiti yang menjalankan latihan industri, malah menyokong hubungan antara industri dan masyarakat melalui penganjuran kursus atau bengkel kemahiran dalam pertanian tanah tinggi," katanya.

Pada majlis itu, sijil perasmian turut disampaikan kepada Pengarah Urusan



SUJIL: Kasim (tiga dari kiri) menyerahkan sijil perasmian dan pelancaran PETIK kepada Azizul.



SIMBOLIK: Pelancaran simbolik perasmian oleh Kasim dengan menuai sayur daun (salad).



KENANGAN: Para tetamu dan penganjur merakamkan kenangan di hadapan PETIK berlatar belakang Gunung Kinabalu.

KAF Azizul Julirin, diikuti dengan penuaian sayur daun (salad) dari sistem hidroponik dan seterusnya penanaman pokok kopi sebagai simbolik perasmian projek dan pelancaran PETIK.

Sementara itu, Pengarah EcoFarm UMS Dr. Januarius Gobilik berkata, menerusi perbincangan lanjut dengan Azizul, bukan sahaja sayuran daun dan buah bernilai tinggi yang menggunakan sistem hidroponik diusahakan, pokok kopi Arabica Catimor juga ditanam di lereng bukit

di PETIK.

"Selain daripada penyelidikan dan pembelajaran, ia juga berkait dengan penstabilan struktur tanah di kawasan itu serta untuk menghasilkan produk kopi bagi memantapkan lagi industri kopi tempatan," katanya.

Selain membangunkan PETIK, Pusat Pengurusan EcoFarm yang juga salah satu dari 'Sustainable Business Unit' di UMS juga membangunkan Makmal Hidupan AFEEDRI di Apin-Apin, Keningau untuk mempergiatkan lagi

aktiviti keusahawanan dalam universiti untuk menyokong kelestarian penyelidikan dan pembelajaran pelajar.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pembangunan Sabah (IDS) Datuk Dr. Ramzah Dambul; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya. Dr. Raman Noordin; dan Pendaftar UMS Luqman Ridha Anwar.